

16 SEP 2003

CUKAI-KERETA/I

DUTI EKSAIS KERETA IMPORT TIDAK BERCANGGAH DENGAN AFTA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Kerajaan tetap akan mengurangkan cukai import dan mengenakan duti eksais ke atas kereta import pada masa yang sama bermula tahun lepas.

Bagaimanapun, jumlahnya belum diputuskan lagi, kata ketua bahagian analisis cukai Kementerian Kewangan (MOF), Datuk Kamariah Hussain.

"MOF dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang bekerjasama mengenai struktur duti," katanya di sesi soal jawab mengenai Bajet 2004 anjuran Institut Percukaian Malaysia (MIT), di sini hari ini.

MITI dijangka membuat pengumuman mengenai struktur baru itu sebelum hujung tahun, tambahnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan menteri kewangan, ketika membentangkan Bajet 2004 berkata kerajaan akan mengenakan duti eksais dan mengurangkan duti import ke atas kereta import bermula 1 Jan. 2004 agar harga kereta import tidak jatuh.

Pengurangan duti import ke atas kereta adalah sejajar dengan struktur cukai Kawasan Perdagangan Bebas (Afta) untuk sektor automotif di mana kenderaan yang dikeluarkan di Asean akan dikenakan cukai import hanya antara sifar dan lima peratus.

Pelaksanaan struktur cukai Afta itu berkuatkuasa sepenuhnya bermula 1 Jan. 2005.

Kamariah berkata pengenaan duti eksais terhadap barangan import tidak bercanggaah dengan Afta. "Sebahagian negara Asean juga mengenakan duti eksais (ke atas barangan import). Tiada perbezaan di sini."

Tentang cukai korporat yang dikekalkan pada 28 peratus, beliau berkata penurunan satu peratus bermakna kerajaan akan kehilangan pendapatan sebanyak RM900 juta.

Kerajaan masih memerlukan pendapatan bagi memenuhi tanggungjawabnya untuk membangunkan sektor seperti pendidikan dan kesihatan, katanya.

Beliau juga berkata 10 pembayar cukai terbesar di Malaysia adalah syarikat-syarikat minyak dan gas serta syarikat-syarikat milik kerajaan.

Beliau juga memberitahu bahawa 60 peratus pembayar cukai korporat di Malaysia mempunyai pendapatan bercukai kurang RM100,000. Oleh itu, meningkatkan tahap kelayakan untuk menikmati cukai korporat 20 peratus untuk syarikat kecil dan sederhana kepada RM500,000 daripada RM100,000, adalah lebih sesuai dalam menggalakkan mereka membuat pelaburan semula. --

BERNAMA

SM SHY JR